



SHEIFUL melihat pembantuanya menyusun guni berisi tali lembu untuk dijadikan baja di kandang lembunya di Kampung Jimah Lama.

Mohd Khidir Zakaria
am@metro.com.my

Port Dickson

Kecacatan tidak menghalang lelaki ini berikhtikar melakukan kerja termasuk menjadi penternak lembu di Kampung Jimah Lama, di sini.

Sheiful Mohd Timar, 31, atau lebih mesra dengan panggilan Abon, menternak lebih 80 lembu selain menanam beberapa jenis tanaman di tanah terbiar di kawasan itu.

Ketika berusia lima tahun,

Sheiful mengalami kecacatan selepas terbabit dalam kemalangan.

"Kemalangan ngeri itu menyebabkan tangan kanan terpaksa dipotong. Saya tidak begitu ingat kejadian itu

kerana masih kecil.

"Saya cuma tahu ketika itu ayah mengerjakan haji. Saya menaiki van dipandu sepupu dan kenderaan kami terbabas tidak jauh dari kampung ini.

"Sejak itu, saya menjadi orang kurang upaya dan sekarang sudah serasi dengan kekurangan itu. Kini saya hanya bergantung pada tangan kiri untuk melakukan kerja.

KUDRAT TANGAN KIRI

■ Cacat tak halang pemuda ternak 80 lembu, usahakan tanah terbiar

“Sejak itu, saya menjadi orang kurang upaya dan sekarang sudah serasi dengan kekurangan itu. Kini saya hanya bergantung pada tangan kiri untuk melakukan kerja”

Sheiful Mohd Timar

“Sebaik tamat tingkatan lima, saya melakukan pelbagai pekerjaan di kampung. Pertanian dan ternakan menjadi pilihan saya,” kata anak keenam daripada lapan beradik ini.